

UMP- KMPH jayakan Program Perkongsian Pintar

Lebih 500 pelajar Kolej Matrikulasi Pahang (KMPH) yang meminati bidang kejuruteraan dan sains komputer hadir menjayakan Program Perkongsian Pintar anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama KMPH yang julung kalinya diadakan di Dewan Mat Kilau, Kolej Matrikulasi Pahang pada 26 November 2010 baru-baru ini.

Menurut Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yusserrie Zainuddin, program ini adalah usaha terbaik bagi mencapai matlamat pelan strategik UMP menjadi universiti pilihan pelajar cemerlang untuk mengikuti pengajian di universiti ini.

“UMP mempunyai kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan pensyarah berpengalaman yang boleh memainkan peranan dalam melahirkan bakal jurutera dan teknokrat yang terbilang,” kata beliau semasa menyampaikan taklimat mengenai universiti dan penawaran program Dwi Ijazah di UMP.

Katanya, perkongsian pintar ini akan menumpukan kepada bidang perkembangan staf, kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pembangunan.

Jalinan kerjasama ini juga melibatkan peranan perpustakaan dan Pusat Sumber di UMP dan KMPH dalam berkongsi kepintaran.

“Program sebegini akan diteruskan pada masa akan datang dan UMP juga sedang berusaha mendapatkan lebih banyak biasiswa dan tajaan untuk kemudahan pelajar yang menyambung pengajian di UMP.”

Manakala, Timbalan Pengarah KMPH, Zaidi Yazid berkata, beliau amat gembira dengan jalinan kerjasama ini mengharapkan akan dapat dimanfaatkan.

Katanya, program ini dapat memotivasikan pelajar untuk mendapatkan keputusan cemerlang serta membuat persediaan dalam memilih bidang yang sesuai setelah tamat pembelajaran di peringkat Matrikulasi.

“Ianya juga dapat mengeratkan hubungan antara dua institusi dalam meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam bidang akademik,”

Sementara itu, pelajar KMPH yang sedang mengikuti matrikulasi aliran Sains Fizikal, Nurul Hidayah Mat Yusof, 18, beliau yang meminati bidang kejuruteraan berharap dapat menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di UMP satu hari nanti.

Penganjuran program ini mendapat kerjasama Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Bahagian Pengurusan Akademik dan Pejabat Naib Canselor.

Selain taklimat penerangan program, pelajar berpeluang bertemu pensyarah, melawat gerai pameran dan produk penyelidikan UMP.

Hadir sama Timbalan Dekan Fakulti (Akademik) FKKSA, Dr. Che Ku Mohammad Faizal Che Ku Yahya, Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi), FKASA, Dr. Zularisam Ab. Wahid, Timbalan Dekan (Akademik) FSKKP, Dr. Adzhar Kamaludin dan Ketua Jabatan Pengurusan Pelajar KMPH, Mohammad Salleh Ahmad.

